

22 MAC 2018

Seludup 176 ketul ganja bernilai RM528,000 guna BMW

Seludup 176 ketul ganja bernilai RM528,000 guna BMW



MOHMAD (empat dari kanan) menunjukkan sebahagian ketulan mampat ganja yang dirampas daripada dua lelaki pada sidang akhbar di Gombak semalam.

GOMBAK - Cubaan dua lelaki untuk menyeludup sejumlah besar ganja dari negara jiran ke pasaran tempatan tidak kesampaian apabila mereka diberkas ketika cuba membawa masuk bahan khayal itu menggunakan kereta mewah jenis BMW 5 Series semalam.

Operasi di Plaza Tol Rawang pada pukul 2.40 pagi itu dapat menahan dua lelaki berusia 23 dan 35 tahun selain merampas 176 ketulan mampat ganja bernilai RM528,000.

Difahamkan, dadah ber-

kenaan disorokkan di dalam but BMW 5 tersebut manakala seorang lagi rakannya mengekori dari belakang dengan menaiki kereta jenis Perodua Myvi.

Ketika diberkas, suspek dalam perjalanan dari utara untuk menghantar dadah berkenaan ke Lembah Klang.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Bukit Aman, Datuk Seri Mohamad Salleh berkata, dadah berkenaan dipercayai diperolehi dari sempadan negara jiran.

"Ganja berkenaan boleh menampung keperluan 351,000

penagih bagi sekali pengambilan.

"Suspek tidak mempunyai rekod jenayah dan negatif dadah. Mereka kini direman selama tujuh hari bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Tambahnya, sehingga semalam, pihaknya telah merampas kira-kira satu tan ganja bernilai RM22 juta yang mampu menampung keperluan 200 juta penagih dadah.